

SYARAT-SYARAT PENYEWAAN DAN PENGGUNAAN KOMPLEKS SUKAN / DEWAN / STADIUM MPSP

- 1 Pengguna perlu menunjukkan resit/surat kebenaran/kelulusan sebelum menggunakan kemudahan di stadium/kompleks sukan termasuk dewan.
- 2 Cagaran akan dikenakan sekiranya penyewaan/penggunaan untuk tujuan bagi mengadakan pertandingan/perlawanan, majlis/program atau penyewaan/penggunaan secara harian.
- 3 Pengguna tidak dibenarkan menggunakan trek/balapan/padang (bolasepak/hoki/boling) /gelanggang/tapak serta dewan sebelum dan selepas tamat tempoh yang dibenarkan.
- 4 Pengguna hendaklah menggunakan trek/balapan/padang (bolasepak/hoki/boling) /gelanggang/tapak/dewan yang disewa/ditentukan sahaja.
- 5 Untuk penggunaan trek/balapan/padang/gelanggang - Kasut yang dipakai hendaklah sesuai dengan permainan/aktiviti. Kasut bertapak kulit, plastik, kasut kasual dan sebarang tapak yang boleh merosakkan trek/balapan/padang (bolasepak/hoki/boling) /gelanggang.
- 6 Semua pengguna diminta sentiasa menjaga kebersihan kawasan serta keselamatan peralatan yang digunakan. Sebarang kerosakan/kehilangan perlu diganti.
- 7 Minuman bergula/bergas dan makanan tidak dibenarkan di kawasan trek/balapan/padang (bolasepak/hoki/boling) / gelanggang.
- 8 Dilarang merokok dalam kawasan trek/balapan/padang (bolasepak/hoki/boling)/ gelanggang serta dewan.
- 9 Tidak dibenarkan membawa masuk sebarang kenderaan/binatang peliharaan ke dalam kawasan trek/balapan/padang (bolasepak/hoki/boling) /gelanggang/tapak serta dewan.
- 10 Tidak dibenarkan mengorek/menggali mana-mana juga bahagian di kawasan stadium/kompleks sukan (trek/balapan/padang bolasepak/hoki/boling)/ gelanggang/tapak serta dewan untuk tujuan mendirikan khemah/kanopi atau sebagainya tanpa kebenaran daripada MPSP.
- 11 Untuk penganjuran sebarang aktiviti yang melibatkan pembinaan pentas atas padang /trek, penganjur diminta untuk menyediakan dan memasang pelapik (Terraplas) padang/trek merangkumi kawasan pembinaan pentas dan khalayak ramai.
- 12 Bagi kegiatan-kegiatan/aktiviti yang memerlukan permit/lesen/kebenaran daripada agensi-agensi yang berkaitan (contohnya Bahagian Pelesenan MPSP, Polis, Pejabat Daerah dan sebagainya), pengguna hendaklah mendapat kebenaran daripada pihak berkenaan terlebih dahulu.
- 13 Sebarang sepanduk (banner) /poster/ papantanda tidak dibenarkan dipasangkan di mana-mana juga bahagian di kawasan stadium/kompleks sukan kecuali mendapat kebenaran daripada MPSP.
- 14 Talian elektrik tidak dibenarkan disambung keluar daripada stadium/kompleks sukan kecuali dengan kebenaran daripada MPSP.
- 15 Tidak dibenarkan membakar apa-apa juga bahan di mana-mana juga bahagian di kawasan stadium/kompleks sukan/dewan MPSP.
- 16 Dilarang membuang sampah dan sisa makanan ke dalam sinki dan lubang tandas serta aktiviti cuci mencuci di dalam tandas atau kawasan dewan.
- 17 Penganjuran semua jenis aktiviti politik, perjudian dan aktiviti yang diharamkan oleh kerajaan serta aktiviti yang boleh menimbulkan sensitiviti masyarakat adalah tidak dibenarkan.
- 18 MPSP tidak bertanggungjawab atas sebarang kemalangan / kecederaan /kehilangan yang berlaku ke atas mana-mana individu sepanjang tempoh penggunaan / penyewaan kompleks sukan. MPSP juga tidak bertanggungjawab atas sebarang kerosakan / kehilangan mana-mana kenderaan yang letakkan di perkarangan meletak kenderaan.
- 19 Penyewa hendaklah mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan dan syarat-syarat yang akan dikenakan dari semasa ke semasa oleh pegawai yang bertugas.
- 20 Penyewa tidak dibenarkan menyewa semula (meminda hal penyewaan) kepada orang lain.
- 21 Wang cagaran akan dikembalikan setelah MPSP mendapati semua syarat-syarat yang dikenakan samada secara bertulis atau lisan dipatuhi. Cagaran akan ditahan sekiranya berlaku kehilangan peralatan,kerosakan akibat penyewaan/penggunaan atau hal-hal kebersihan.
- 22 MPSP berhak membatalkan tempahan pada bila-bila masa sahaja untuk kepentingan MPSP dan Kerajaan.